

Headline	Lebih 2,000 kes HIV baru dikesan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 288
Frequency	Daily	PR Value	RM 864



Setakat 9 bulan pertama tahun ini

Lebih 2,000 kes HIV baru dikesan

SANDAKAN: Sebanyak 2,465 kes jangkitan HIV baru dicatatkan bagi sembilan bulan pertama tahun ini dengan 1,958 adalah golongan lelaki, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Beliau berkata penyumbang utama jangkitan HIV dan AIDS di negara ini adalah perkongsian jarum suntikan tercemar kuman HIV, hubungan seksual dengan mereka yang dijangkiti, hubungan seks bebas dan jangkitan kepada anak melalui ibu yang menghidap HIV.

Secara keseluruhannya, sejak 1986 hingga September tahun ini, 93,827 kes jangkitan HIV dikesan di negara ini, katanya dalam ucapan perasmian sambutan Hari AIDS Sedunia peringkat Kebangsaan di sini pada Sabtu.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan (Kesihatan Awam) Dr Lokman Hakim Sulaiman.

Rosnah berkata melalui langkah pencegahan secara menyeluruh itu, kerajaan berjaya mengurangkan kes baru jangkitan HIV secara signifikan.

Katanya mulai 2003, kes jangkitan HIV baru menurun kepada 6,756 kes dan penurunan terus berlaku secara konsisten.

Pada tahun lepas, sejumlah 3,652 kes baru HIV dikesan dengan kadar 12.6 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

Kerajaan menyasarkan untuk mengurangkan kadar kejadian kes baru HIV kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015, katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis AIDS Malaysia Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata kempen kesedaran mengenai AIDS perlu ditumpukan kepada usaha mendekati komuniti bagi menyalurkan maklumat tepat mengenai sindrom itu.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata mendekati komuniti merupakan suatu respon yang amat bertepatan terhadap situasi epidemik HIV dan AIDS di negara ini.

Katanya situasi itu sebahagian besarnya berlaku di negara ini adalah berpunca daripada transmisi seksual.

“Tumpuan perlu diberikan dalam mendidik masyarakat tempatan dengan maklumat yang tepat tentang HIV dan AIDS, selain mendekati komuniti terpinggir yang terdedah secara langsung kepada risiko jangkitan,” katanya ketika berucap pada majlis Makan Malam Hari AIDS Sedunia anjuran Persatuan Kumpulan Sokongan AIDS Sandakan (SAGA) di sini malam Jumaat lepas.

Beliau berkata usaha itu selaras dengan tiga misi sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini iaitu Sifar Jangkitan Baru, Sifar Diskriminasi dan Sifar Kematian Berkaitan dengan AIDS.

Katanya sasaran sifar adalah matlamat unggul yang menyatupadukan pihak terlibat dalam usaha mengawal penularan epidemik HIV dan AIDS di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mahu lebih banyak program dibuat bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif buat orang yang hidup dengan HIV untuk mereka menjalani kehidupan normal yang bebas daripada tekanan stigma dan diskriminasi. - Bernama